

MALAYSIA MENYUMBANG 250,000 PELITUP MUKA KEPADA REPUBLIK I

Print

MALAYSIA MENYUMBANG 250,000 PELITUP MUKA KEPADA REPUBLIK IRAQ

Pada 13 September 2021, Kerajaan Malaysia telah menyumbang 250,000 unit pelitup muka kepada Republik Iraq, melalui Kedutaan Besar Republik Iraq di Kuala Lumpur.

Sumbangan ini menzahirkan usaha berterusan Malaysia untuk berkerjasama dengan Republik Iraq dan masyarakat antarabangsa dalam memerangi pandemik COVID-19. Sumbangan ini dibuat menggunakan dana peruntukan di bawah Akaun Amanah Pembelaan Rakyat Iraq (AAKPRI) yang ditubuhkan pada tahun 2003 dan diselenggara oleh Kementerian Luar Negeri.

Sumbangan Malaysia ini mencerminkan hubungan mesra di antara kedua-dua negara di saat dunia sedang berusaha memerangi COVID-19. Malaysia kekal komited untuk terus bekerjasama dengan Republik Iraq untuk kepentingan bersama kedua-dua buah negara.

PUTRAJAYA

13 SEPTEMBER 2021